

Rom Purba

yang Masih Tinggal di Sampingku


PUISI PENYAIR INGGERIS DAN EROPAH SERING MEMINJAM WATAK DAN MENGUTIP RUJUKAN KOTA DAN NEGARA ROM UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI TEMA ATAU METAFORA BANDINGAN. ROM LAMA KEKAL DALAM INGATANNYA KERANA DALAM BEBERAPA RATUS TAHUN, KUASA AGAMA ROMAN KATOLIK DAN POPE YANG BERPUSAT DI KOTA VATIKAN TERSEBAR LUAS HAMPIR KE SELURUH EROPAH BARAT DAN KUASANYA SANGAT DIPATUHI.

Rom memerintah melalui agama, ilmu dan bahasanya, iaitu bahasa Latin. Pada waktu itu, bahasa Latin ialah bahasa yang paling canggih di Eropah. Latin juga merupakan bahasa ilmu yang akan digunakan di sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara-negara yang dijajahnya. Oleh sebab itu, pengaruhnya sangat besar terhadap semua bahasa Eropah, terutama Sepanyol, Perancis dan Inggeris. Pengaruh ini diperteguhkan lagi melalui buku-buku agama. Hingga

kurun ke-18, ilmu dalam pelbagai bidang, termasuk kemanusiaan dan sains, hanya boleh didapatkan melalui bahasa Latin. Mereka yang terdidik dalam bahasa inilah yang menulis buku-buku dalam bidang mereka, dan karya-karya dalam bahasa ini dapat dibaca di Jerman, Perancis, Ireland dan England. Karya-karya kreatif, termasuk puisi, juga cukup popular dalam bahasa Latin.

Bagi mencipta peristilahan dalam bidang lama dan baharu, pada kebiasaannya para ahlinya






Reruntuhan Forum hari ini.



Beberapa pendapat pengkaji mengatakan bahawa ratusan ribu manusia dan haiwan mati di Colosseum.



Gedung "Federal Mint" di Philadelphia.


akan merujuk kepada dasar bahasa Latin dalam usaha untuk menemukan konsep dan kata yang sesuai.

Oleh hal yang demikian, ratusan ribu istilah yang secara langsung atau tidak langsung berakarkan Latin. Bagi kita di Malaysia dan Indonesia, selain banyak pengaruh ilmu kolonial dan peristilahannya, kita juga mewarisi huruf Latin yang digunakan hari ini dan terus mengembangkannya.

Kita dapat memahami besarnya pengaruh bahasa Latin ke atas Eropah sekiranya kita melihat pengaruh bahasa Inggeris terhadap keseluruhan kehidupan kita

di Malaysia pada hari ini dan juga terhadap bahasa Melayu yang digunapakai, bermula pada pertengahan kurun ke-19, dan masih dapat dirasakan hingga hari ini. Kesannya lebih lama terhadap bahasa kita. Pengaruhnya sangat luas dan lama bertahan, walaupun bahasa kita sudah maju.

Oleh hal yang demikian, sewaktu saya memijak kaki di Rom, Rom sudah pun berada dalam diri saya secara tidak sedar kerana sebagai pelajar di zaman kolonial British, semua pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris. Dan apatah lagi karya-karya sasteranya yang menjadi bidang pengajian saya. Rom sangat besar kota dan negaranya, tetapi waktu untuk melawat tempat



Bayangan bentuk asal Colosseum.

pentingnya sangat terbatas pula. Saya harus memilih hanya beberapa sahaja, yang saya anggap paling penting.

Kita bermula dengan tinggalan yang lebih purba dan kekal. Saya mulakan dengan Forum dan Colosseum. Bangunannya sangat megah dan menjadi suatu lambang kejayaan kekaisaran Rom itu, yang secara ironinya diasaskan di Yunani purba. Tetapi disebar ke seluruh dunia melalui pengaruh Eropah yang dibalut dengan seni bina Rom. Tiang marmar yang puluhan jumlahnya, berdiri tinggi, berukir, berlarik dan berhias. Bangunan sampingannya, seperti yang terlihat dalam lukisan ini, mengulang bentuk dan reka bentuknya dengan konsep saling melengkapi. Reka bentuk ini terus disalin di bangunan-



Gladiator di Colosseum.

bangunan penting di Britain, Perancis, Jerman, Amerika Utara dan Selatan, Singapura dan Australia. Untuk menjadi megah, sesebuah kota itu harus mempunyai bangunan seperti di Forum, Rom.

Forum ialah pusat terpenting kehidupan sivik, agama dan juga perniagaan Rom. Bangunannya dibina di atas sebidang tanah datar yang dikelilingi oleh tujuh buah bukit Rom yang terkenal itu. Terdapat dua ruang di dalamnya; yang pertama, bersifat rasmi yang menempatkan ruang forum politik, dan yang kedua, ruang sosial. Di sekelilingnya terdapat deretan kedai dan premis perniagaan. Di hujung yang berlawanannya dikatakan merupakan ruang khusus untuk

paderi terpenting agama Katolik Rom purba. Inilah antara gedung dan konsep awal pemerintahan di Eropah.

Saya turun berjalan-jalan bertemankan sebuah peta, di antara kolum-kolumnya, sebahagiannya daripada mamar yang masih utuh, di samping tembok yang sebahagiannya sudah runtuh. Hampir 2000 sudah tahun berlalu, dan saya pun menciptakan kembali suara dalam ruang-ruangnya yang penuh bertingkah dan bertingkat-tingkat itu.

Reruntuhan kedua ialah sebuah lagi bangunan imperial Rom, iaitu Colosseum. Colosseum ialah bangunan separa bulat yang masih agak utuh, walaupun sudah berusia



Reruntuhan Colosseum.

Reruntuhan kedua ialah sebuah lagi bangunan imperial Rom, iaitu Colosseum. Colosseum ialah bangunan separa bulat yang masih agak utuh, walaupun sudah berusia hampir 2000 tahun. Dibina oleh kaiser Vespasian pada kurun pertama Masihi, bangunan ini ialah semacam pengimbang atau pelengkap untuk Forum.

hampir 2000 tahun. Dibina oleh kaiser Vespasian pada kurun pertama Masihi, bangunan ini ialah semacam pengimbang atau pelengkap untuk Forum. Sementara Forum ialah bangunan pentadbiran dan pemerintahan, Colosseum pula ialah ruang hiburan yang sangat besar dan berupaya memuatkan lebih 50 ribu penonton yang duduk di atas tangga-tangganya. Tangga-tangga yang berjumlah ratusan ini juga memberikan tempat kepada darjat sosial dan pentadbiran yang berbeza-beza. Bangunan ini dianggap sebagai satu daripada bangunan terbesar yang pernah dibina oleh kekaisaran ini.

Di tengah-tengah bangunan ini ialah sebuah gelanggang yang luas yang dikhususkan untuk sukan, perlawanan jasmaniah dan hiburan. Antara hiburan yang terkenal dan imej hidupnya diciptakan kembali oleh Hollywood termasuklah lumba chariot, iaitu kereta kuda perang, oleh perwira yang menunggang kereta berhias penuh bersama-sama kuda yang juga berpelana lengkap dan ditambah dengan hiasannya pula. Kuda-kuda ini dilatih lama sebelum diluluskan untuk masuk ke gelanggang.

Bangunan yang kita lihat hari ini sudah dirosakkan oleh cuaca dan perjalanan waktu selama 2000 tahun, dan diperkirakan berbentuk begini pada zaman



Bayangan Forum pada zaman kegemilangannya.

awalnya, iaitu dengan bulatan yang lengkap dan suatu pintu untuk penonton keluar dan masuk, dan satu lagi untuk kuda, haiwan dan *gladiator*nya.

Suatu lagi pertandingan ialah perlawanan pedang antara *gladiator*. Seorang *gladiator* pada kebiasaannya merupakan seorang abdi yang dilatih untuk sukan ini. Atau mereka juga boleh terdiri daripada penjenayah yang diberi peluang untuk bebas sekiranya mereka menang dalam acaranya. Bagi tujuan ini, mereka dipersiapkan alatan secukupnya, iaitu pedang berat dan topi besi dan sepatu besar kukuh, penutup tangan dan lengan, seperti yang

dapat dilihat dalam gambar asal di dindingnya.

Selain berlawan pedang antara manusia, ada juga perlawanan khusus manusia melawan beruang, harimau, singa dan zirafah. Sukan ini lebih mengerikan dan kadang-kadang *gladiator* yang kalah itu dimakan oleh lawannya. Betapa tinggi pun tamadun Rom ini, dalam hal ini, mereka sangat kejam dan menggalakkan kekejaman.

Demikianlah lawatan singkat ke dua bangunan Rom purba. Dalam makalah seterusnya, saya akan menyambung lagi beberapa sudut kecanggihan dan juga kekejaman Rom. **DB**